




الجامعة  
UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

# BULETIN UNIT RESIDENSI & HOSPITALITI PELAJAR

*EDISI 1  
OKTOBER 2024*



# STAF RESIDEN KOLEJ: TEMAN SETIA PELAJAR DI KAMPUS?

*Safina Azis & Mustafa Kamal Mat*

---

Kehidupan di kolej kediaman adalah salah satu aspek penting dan paling menarik dalam perjalanan kehidupan sebagai seorang mahasiswa. Di universiti mereka bukan hanya belajar mencapai kecemerlangan akademik, tetapi juga belajar untuk berdikari dan menjalin hubungan sosial yang agar lebih bermakna. Dalam perjalanan ini, salah seorang individu yang tidak patut dilupakan ialah staf residen kolej.

Di Universiti Teknologi MARA, staf residen kolej merupakan individu yang bertanggungjawab menjaga kebajikan dan mengawasi keselamatan mahasiswa di kolej kediaman. Daripada menguruskan hal ehwal harian sehinggalah merancang pelbagai aktiviti sosial, mereka berperanan bagi memastikan keselesaan dan keharmonian mahasiswa di kolej kediaman terjaga, terutama bagi yang baru pertama kali berjauhan dari keluarga.



Di kolej kediaman, pelbagai program dirancang staf residen kolej dengan kerjasama jawatankuasa mahasiswa. Aktiviti-aktiviti seperti festival kolej, sukan mini, dan sesi perkongsian ilmu bukan sahaja membantu memupuk semangat kerjasama, tetapi juga membuka ruang untuk mahasiswa mengasah kemahiran kepimpinan. Mahasiswa belajar bekerja di dalam kumpulan dan cara berkomunikasi lebih baik bersama rakan baharu. Kemahiran berharga ini bukan hanya penting di universiti, malah sangat berguna untuk diaplikasi di alam pekerjaan nanti.

Setiap langkah dalam perjalanan ini, staf residen kolej adalah teman penyokong yang tak ternilai harganya. Mereka bukan sahaja membantu mahasiswa untuk menyesuaikan diri, tetapi juga membimbing mahasiswa menjadi individu yang lebih bertanggungjawab dan berdikari. Dengan bimbingan dan sokongan staf residen kolej ini, mahasiswa dapat melayari pengalaman di universiti dengan keyakinan yang lebih tinggi, bersedia untuk menghadapi pelbagai cabaran di luar sana.

Buat mahasiswa yang sedang menjalani kehidupan di kolej kediaman, jangan pernah ragu untuk mendekati staf residen kolej. Manfaatkan segala peluang untuk berinteraksi, sertai semua aktiviti yang dianjurkan, dan kongsilah apa sahaja yang mengganggu fikiran. Kehidupan kampus pasti akan menjadi lebih bermakna dengan sokongan yang diterima daripada staf residen kolej.

Akhir kata, mari kita hargai dan sokong peranan besar staf residen kolej ini. Mereka adalah teman seperjuangan yang berharga, dapat membantu mahasiswa merealisasikan impian dan mencapai kejayaan. Bersama-sama mereka, mahasiswa boleh membina komuniti kampus yang lebih erat dan menyokong di antara satu sama lain.